



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2009**

---

**SKIM PERKHIDMATAN**

**PENGHULU GRED NP27, NP32, NP36, NP40**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengasingkan perkhidmatan Penghulu dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dengan mewujudkan satu skim perkhidmatan baharu iaitu skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40.

**LATAR BELAKANG**

2. Sebagaimana dimaklumi, Penghulu merupakan pemimpin masyarakat yang menjalankan tugas sebagai pegawai perantaraan untuk menyebarkan maklumat pentadbiran negeri, dasar-dasar kerajaan dan menganjurkan pembangunan masyarakat di peringkat mukim. Dengan ini, skop fungsi tugas Penghulu secara khusus memberi fokus pada aspek pembangunan, pentadbiran, keagamaan serta kebudayaan di peringkat mukim. Namun begitu, mengambil kira faktor keperluan dan perubahan persekitaran, tugas Penghulu pada masa kini memerlukan pendekatan yang ketara berbeza dengan apa yang pernah dilakukan pada masa-masa dahulu.

3. Kerajaan dalam usaha untuk memartabatkan semula institusi Penghulu dan mengembalikan identiti perkhidmatan Penghulu sejajar dengan peranan dan tanggungjawab mereka dalam menangani kepelbagaian isu kemasyarakatan, memutuskan supaya skim perkhidmatan Penghulu digubal dan dasingkan daripada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa. Selain itu, turut diperkenalkan tambahan satu lapisan gred baharu iaitu Gred NP40 berikutan peningkatan kompleksiti tugas di samping memperbaiki peluang kemajuan kerjaya pegawai.

### **SKIM PERKHIDMATAN BAHARU**

4. Skim perkhidmatan Penghulu yang baharu dikekalkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan (N) dengan diberi kod gaji baharu iaitu NP. Di antara perbekalan yang terdapat dalam skim perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

#### **Gred Gaji/ Gred Jawatan:**

- (a) gred gaji yang diperuntukkan ialah Gred NP27, NP32, NP36, NP40.

#### **Syarat Lantikan:**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T3); atau
- (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T6); atau

- (c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T10); atau

- (d) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T11)

[Calon dengan kelayakan STPM atau diploma disyaratkan mempunyai tempoh pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

- dan
- (e) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### **Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL):**

- (a) memperuntuk syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) untuk semua perkhidmatan dalam kelompok Kumpulan Sokongan Gred 17 yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan tertakluk kepada memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan; dan
- (b) memperuntuk KPSL kepada skim perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41, Pegawai Penerangan Gred S41, Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 serta Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 tertakluk kepada memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

5. Skim perkhidmatan Penghulu yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2 dan C3**. Perubahan perbekalan KPSL dari skim-skim perkhidmatan dalam kelompok Kumpulan Sokongan Gred 17 adalah seperti di **Lampiran D** sementara perubahan perbekalan KPSL ke skim perkhidmatan Pegawai Tadbir Gred N41, Pegawai Penerangan Gred S41, Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 serta Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 adalah seperti di **Lampiran E, F, G dan H**.

6. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, maka semua pelantikan ke jawatan Penghulu hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 dan syarat-syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

#### **PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

7. Berikutan pengasingan skim perkhidmatan Penghulu daripada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir turut diubah sewajarnya. Perubahan skim perkhidmatan tersebut adalah seperti di **Lampiran I**.

#### **PELAKSANAAN**

8. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Pengkulu) Gred N27, N32, N36 yang dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36 mengikut **gred ke gred** seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di Gred N27 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27;
- (b) pegawai yang berada di Gred N32 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP32; dan
- (c) pegawai yang berada di Gred N36 akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP36.

9. Ketua Jabatan/ Perkhidmatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mewujudkan jawatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 secara tukar ganti mengikut keperluan dan kesesuaian dengan memansuhkan jawatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27, N32, N36.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

10. Berikutan pelaksanaan skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/Perkhidmatan akan menawarkan opsyen tukar lantik kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan berkenaan. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

11. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau tidak menerima tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai telah tidak memilih untuk memasuki skim perkhidmatan berkaitan. **Pegawai akan kekal sebagai Penolong Pegawai Tadbir dan akan ditempatkan semula untuk melaksanakan skop fungsi dan bidang tugas yang ditetapkan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir.**

12. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk pegawai yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih opsyen Sistem Saraan Malaysia.

13. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada pegawai yang berada dalam keadaan berikut:

(a) dipinjamkan atau ditukar sementara;

(b) sedang bercuti;

- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

14. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhkan hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

15. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 13 atas alasan yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

16. Bagi maksud pemberian opsyen **pegawai yang telah layak**, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen untuk skim perkhidmatan Penghulu adalah seperti berikut:

- (a) Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan : **Lampiran J**
- (b) Syarat-syarat pertukaran pelantikan : **Lampiran J1**
- (c) Borang opsyen pertukaran pelantikan : **Lampiran J2**

17. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan. Perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan pegawai masih diperlukan, urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40.

## KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

18. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) ke skim perkhidmatan Penghulu yang baharu adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Penghulu yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NP27 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal;
- (b) Penghulu yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di gred jawatan baharu di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya adalah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Jika gaji yang ditawarkan itu belum mencapai gaji permulaan yang ditetapkan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan yang ditetapkan supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji permulaan yang ditetapkan di gred jawatan baharu.

19. Sekiranya mata gaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip **seperti di perenggan 18**, Jadual Gaji Khas Untuk Penyanggah (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

20. Secara terperinci pertukaran pelantikan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27, N32, N36 ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36 adalah seperti berikut:

- (a) Penghulu Gred N27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NP27 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T3 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T3 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T3 di gred jawatan baharu;
- (b) Penghulu Gred N27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan STPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NP27 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T6 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T6 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T6 di gred jawatan baharu;
- (c) Penghulu Gred N27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau



kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NP27 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T10 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T10 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T10 di gred jawatan baharu;

(d) Penghulu Gred N27 yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred NP27 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T11 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T11 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T11 di gred jawatan baharu;

(e) Penghulu Gred N27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji

mengikut Peringkat (P) di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T3 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T3 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T3 di gred jawatan baharu;

- (f) Penghulu Gred N27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan STPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T6 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T6 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T6 di gred jawatan baharu;
- (g) Penghulu Gred N27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti

kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T10 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T10 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T10 di gred jawatan baharu;

- (h) Penghulu Gred N27 yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan dan memiliki kelayakan diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya. Jika gaji yang ditawarkan belum mencapai gaji permulaan P1T11 pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan, gaji pegawai hendaklah diselaraskan ke matagaji permulaan P1T11 supaya gaji yang diterima hendaklah tidak kurang daripada matagaji P1T11 di gred jawatan baharu;

- (i) Penghulu Gred N32 hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred NP32 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya adalah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (j) Penghulu Gred N36 hendaklah ditawarkan matagaji mengikut Peringkat (P) di Gred NP36 di mana matagaji tersebut hendaklah tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal dan jumlah perbezaannya adalah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) berkenaan tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

21. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penghulu adalah seperti di **Lampiran K, K1, K2, K3 dan K4**.

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

22. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred jawatan asal pada **2 Julai 2009** sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu.

#### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

23. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baharu ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

24. Pegawai yang ditukar lantik atau lantikan baharu bagi skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan/ surat edaran yang berkuat kuasa.

## **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

25. Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 boleh menggunakan pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal/ setaraf sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

26. Dalam melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah pelaksanaan opsyen yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui Jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

(i) mengemukakan senarai nama pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan kepada Pihak Berkuasa Melantik;

- (ii) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat dan memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen serta implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang tawaran opsyen iaitu satu (1) salinan disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan manakala satu (1) lagi salinan untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dan mengembalikan borang tawaran opsyen dalam tempoh tiga puluh **(30) hari** mulai tarikh surat tawaran.

**TARIKH KUAT KUASA**

27. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**.


## **PEMBATALAN**

28. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2006 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

29. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

30 Jun 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B.Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENGHULU**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred NP27</b>	:	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
		P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
		P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
<b>Gred NP32</b>	:	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
		P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
<b>Gred NP36</b>	:	P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
		P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67
<b>Gred NP40</b>	:	P1T1	RM4261.99	-	P1T7	RM5441.77
		P2T1	RM4677.93	-	P2T7	RM5948.43

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T3); atau
  - (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T6); atau
  - (iii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T10); atau



## **SYARAT LANTIKAN**

- (iv) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: PIT11);

[Calon dengan kelayakan STPM atau diploma disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

- dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kumpulan Sokongan Gred 17 yang mensyaratkan kelayakan masuk SPM adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghulu Gred NP27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas;

[Calon dengan kelayakan SPM disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun manakala calon dengan kelayakan STPM atau diploma disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

- dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred NP27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

## **TEMPOH PERCUBAAN**

- 4. Penghulu Gred NP27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

## **LATIHAN**

- 5. Penghulu boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

## **KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

- 6. Penghulu Gred NP27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Penghulu Gred NP27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Penghulu hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED NP32**

10. Penghulu Gred NP27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghulu Gred NP32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED NP36**

11. Penghulu Gred NP32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghulu Gred NP36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED NP40**

12. Penghulu Gred NP36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penghulu Gred NP40 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR,  
PEGAWAI PENERANGAN,  
PEGAWAI PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT, PEGAWAI  
BELIA DAN SUKAN**

13. Penghulu yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, Pegawai Penerangan Gred S41, Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Penghulu
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan

2. Jadual Gaji

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>				
<b>Gred NP27</b>	P1T1	RM1204.55	-	P1T26	RM3027.10
	P2T1	RM1274.13	-	P2T26	RM3213.25
	P3T1	RM1346.73	-	P3T26	RM3405.26
<b>Gred NP32</b>	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
	P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96
<b>Gred NP36</b>	P1T1	RM3001.40	-	P1T11	RM4439.78
	P2T1	RM3211.64	-	P2T11	RM4911.67
<b>Gred NP40</b>	P1T1	RM4261.99	-	P1T7	RM5441.77
	P2T1	RM4677.93	-	P2T7	RM5948.43

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman tidak kurang daripada 10 tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T3); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T6); atau

- (ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27:P1T10); atau

- (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NP27: P1T11).

[Calon dengan kelayakan STPM atau diploma disyaratkan mempunyai pengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam bidang yang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan]

- dan (d) keujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 4. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara)
- 5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Penghulu adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 6. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat)
- 7. Tarikh tutup jawatan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan)

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM: NP27  
 II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: SSM201NP27000  
 III. TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009

**JADUAL GAJI SSM : NP27**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26
<b>P1</b>	1204.55	1271.10	1337.65	1404.20	1470.75	1537.30	1603.85	1670.40	1736.95	1803.50	1870.05	1936.60	2003.15	2069.70	2136.25	2202.80	2269.35	2335.90	2402.45	2469.00	2535.55	2633.86	2732.17	2830.48	2928.79	3027.10
<b>P2</b>	1274.13	1343.71	1413.29	1482.87	1552.45	1622.03	1691.61	1761.19	1830.77	1900.35	1969.93	2039.51	2109.09	2178.67	2248.25	2317.83	2387.41	2456.99	2526.57	2596.15	2699.00	2801.85	2904.70	3007.55	3110.40	3213.25
<b>P3</b>	1346.73	1419.33	1491.93	1564.53	1637.13	1709.73	1782.33	1854.93	1927.53	2000.13	2072.73	2145.33	2217.93	2290.53	2363.13	2435.73	2508.33	2580.93	2653.53	2760.92	2868.31	2975.70	3083.09	3190.48	3297.87	3405.26

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN****(RM SEBULAN)**

- I. **GREED GAJI SSM: NP32**
- II. **KOD GAJI KOMPUTER SSM: SSM201NP32000**
- III. **TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009**

**JADUAL GAJI SSM : NP32**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>	<b>T12</b>	<b>T13</b>
<b>P1</b>	2413.04	2511.35	2609.66	2707.97	2806.28	2904.59	3002.90	3101.21	3199.52	3297.83	3396.14	3494.45	3592.76
<b>P2</b>	2623.28	2730.67	2838.06	2945.45	3052.84	3160.23	3267.62	3375.01	3482.40	3589.79	3697.18	3804.57	3911.96

**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

- I. **GREED GAJI SSM: NP36**
- II. **KOD GAJI KOMPUTER SSM: SSM201NP36000**
- III. **TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009**

**JADUAL GAJI SSM : NP36**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>	<b>T8</b>	<b>T9</b>	<b>T10</b>	<b>T11</b>
<b>P1</b>	3001.40	3099.71	3198.02	3296.33	3459.68	3623.03	3786.38	3949.73	4113.08	4276.43	4439.78
<b>P2</b>	3211.64	3319.03	3495.99	3672.95	3849.91	4026.87	4203.83	4380.79	4557.75	4734.71	4911.67



**JADUAL GAJI MATRIKS BAGI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
SOKONGAN**

**(RM SEBULAN)**

- I. **GREED GAJI SSM: NP40**
- II. **KOD GAJI KOMPUTER SSM: SSM201NP40000**
- III. **TARIKH KUAT KUASA: 2.7.2009**

**JADUAL GAJI SSM : NP40**

	<b>T1</b>	<b>T2</b>	<b>T3</b>	<b>T4</b>	<b>T5</b>	<b>T6</b>	<b>T7</b>
<b>P1</b>	4261.99	4458.62	4655.25	4851.88	5048.51	5245.14	5441.77
<b>P2</b>	4677.93	4889.68	5101.43	5313.18	5524.93	5736.68	5948.43

**PERUBAHAN PERBEKALAN KPSL DALAM  
SKIM-SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH KELOMPOK KUMPULAN SOKONGAN GRED 17**

<b>BIL</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>SEDIA ADA</b>	<b>PERUBAHAN SYARAT KUAT KUASA 2 JULAI 2009</b>
1.	Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA14, AA17/18, AA22	Tiada perbekalan KPSL	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENGHULU</b></p> <p><b>11. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17/18, AA22 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</b></p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2003 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2003, JPA(S) 324/15/13-44 (20)]</p>
2.	Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK</b></p> <p>11. Pemeriksa Kereta Motor yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Gred J29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG JURUTERA, PENGHULU</b></p> <p>11. Pemeriksa Kereta Motor yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred J29 <b>atau Penghulu Gred NP27</b> yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.2008 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2008, JPA(BPO)(S) 324/14/21-1 Klt.7 (22)]</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PERUBAHAN SYARAT KUAT KUASA 2 JULAI 2009
3.	Pembantu Kawalan Trafik Udara Gred A17, A22, A26	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA</b></p> <p>11. Pembantu Kawalan Trafik Udara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA, PENGHULU</b></p> <p>11. Pembantu Kawalan Trafik Udara yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29 <b>atau Penghulu Gred NP27</b> yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)]</p>
4.	Pembantu Galian Gred C17, C22, C26	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI GALIAN</b></p> <p>12. Pembantu Galian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Galian Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI GALIAN, PENGHULU</b></p> <p>12. Pembantu Galian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Galian Gred C27 <b>atau Penghulu Gred NP27</b> yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)]</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PERUBAHAN SYARAT KUAT KUASA 2 JULAI 2009
5.	Pembantu Kaji Bumi Gred C17, C22, C26	Tiada perbekalan KPSL	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENGHULU</b></p> <p>11. Pembantu Kaji Bumi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)]</p>
6.	Pembantu Kaji Cuaca Gred C17, C22, C26	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAJI CUACA</b></p> <p>11. Pembantu Kaji Cuaca yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kaji Cuaca Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p>	<p><b>KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAJI CUACA, PENGHULU</b></p> <p>11. Pembantu Kaji Cuaca yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kaji Cuaca Gred C27 atau Penghulu Gred NP27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.</p> <p>Nota: Perbekalan ini meminda perbekalan KPSL skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)]</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	SEDIA ADA	PERUBAHAN SYARAT KUAT KUASA 2 JULAI 2009
(iii) Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3); atau  
(iv) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dalam Komunikasi Massa, Sains Kemasyarakatan, Sains Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia bergantung kepada keperluan agensi)

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penerangan, Penghulu adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Penerangan Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Penerangan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Penerangan Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Penerangan Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Penerangan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Penerangan Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Penerangan Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Penerangan Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Penerangan Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Penerangan Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006, JPA(S)324/1 Klt.38 s.k 2(5)].

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred S41</b>	:	P1T1 RM1688.89	-	P1T27 RM4638.89
		P2T1 RM1783.51	-	P2T27 RM4917.16
		P3T1 RM1882.31	-	P3T27 RM5219.23
<b>Gred S44</b>	:	P1T1 RM2976.03	-	P1T14 RM4929.67
		P2T1 RM3294.69	-	P2T14 RM5411.22
<b>Gred S48</b>	:	P1T1 RM4348.05	-	P1T8 RM5770.17
		P2T1 RM4779.42	-	P2T8 RM6318.44
<b>Gred S52</b>	:	P1T1 RM4894.91	-	P1T8 RM6317.03
		P2T1 RM5359.67	-	P2T8 RM6898.69
<b>Gred S54</b>	:	P1T1 RM5159.29	-	P1T8 RM6714.97
		P2T1 RM5615.70	-	P2T8 RM7330.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T1); atau

 (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penghulu adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Pembangunan Masyarakat boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Pembangunan Masyarakat hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG LEBIH  
TINGGI**

14. Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2006, JPA(S)324/1 Klt.38 s.k. 2(5)].



**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred S41</b>	:	P1T1 RM1688.89	-	P1T27 RM4638.89
		P2T1 RM1783.51	-	P2T27 RM4917.16
		P3T1 RM1882.31	-	P3T27 RM5219.23
<b>Gred S44</b>	:	P1T1 RM2976.03	-	P1T14 RM4929.67
		P2T1 RM3294.69	-	P2T14 RM5411.22
<b>Gred S48</b>	:	P1T1 RM4348.05	-	P1T8 RM5770.17
		P2T1 RM4779.42	-	P2T8 RM6318.44
<b>Gred S52</b>	:	P1T1 RM4894.91	-	P1T8 RM6317.03
		P2T1 RM5359.67	-	P2T8 RM6898.69
<b>Gred S54</b>	:	P1T1 RM5159.29	-	P1T8 RM6714.97
		P2T1 RM5615.70	-	P2T8 RM7330.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T1); atau

 (ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan, Penghulu adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Belia dan Sukan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Belia dan Sukan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Belia dan Sukan Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Belia dan Sukan Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Belia dan Sukan Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Belia dan Sukan Gred S54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Belia dan Sukan Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka layaknya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2003, JPA(S)324/14/23 Klt.14(25)].

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>
<b>Gred N27</b>	: P1T1 RM1204.55 - P1T26 RM3027.10 P2T1 RM1274.13 - P2T26 RM3213.25 P3T1 RM1346.73 - P3T26 RM3405.26
<b>Gred N32</b>	: P1T1 RM2413.04 - P1T13 RM3592.76 P2T1 RM2623.28 - P2T13 RM3911.96
<b>Gred N36</b>	: P1T1 RM3001.40 - P1T11 RM4439.78 P2T1 RM3211.64 - P2T11 RM4911.67

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T1); atau  
(ii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T5); atau  
(iii) diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N27: P1T6);
- dan
- (d) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pengurus Stesen, Pemeriksa Cap Jari dan Penyelia Jurupakaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Penolong Pegawai Tadbir boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Penolong Pegawai Tadbir hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N32**

10. Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N36**

11. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TADBIR**

12. Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2006, JPA (S)(BPO)324/7/38/KLT.3(47)SK.1(2)]

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

---

(Nama dan alamat Pihak Berkuasa Melantik)

.....  
.....

Fail Rujukan :

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN DI (Nama Agensi)**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009. Sehubungan itu, tuan/ puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penghulu di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan

Pentadbiran dan Sokongan dengan menerima gaji P...T...sebanyak RM..... sebulan atas Gred NP .... mulai 2 Julai 2009.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran J1**. Tuan/ puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran J2** seperti berikut dan jawapan tuan/ puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran J2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓ ) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran J2, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

-----

(Tandatangan)  
Pihak Berkuasa Melantik



**SYARAT-SYARAT TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN  
PENGHULU**

---

1. Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan skim **OPSYEN** perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 berkuat kuasa mulai 2 Julai 2009. Dengan keputusan ini, tuan/ puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan ataupun **jika menolak akan kekal dalam gred jawatan dan skim perkhidmatan asal serta akan ditempatkan semula untuk melaksanakan skop fungsi dan bidang tugas yang ditetapkan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir**. Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/ puan untuk membuat pilihan ialah selama **tiga puluh (30) hari** mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/ puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/ puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Tuan/ puan akan ditawarkan ke jawatan Penghulu Gred NP27, NP32 atau NP36 mengikut mana yang berkenaan. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **JAWATAN YANG DITAWARKAN**
4. Gelaran jawatan tuan/ puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

5. Tuan/ puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI  
BAWAH SYARAT DAN  
PERATURAN  
PERKHIDMATAN BARU**

6. (a) Tuan/ puan yang **belum disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru.

**PENETAPAN  
GAJI PERMULAAN**

(b) Tuan/ puan yang **telah disahkan** dalam perkhidmatan pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di gred jawatan baharu yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji di P2 jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang telah ditetapkan.

(c) Jika matagaji di gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip yang dinyatakan di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

7. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred jawatan asal pada 2 Julai 2009

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baharu itu ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

**TARIKH PERGERAKAN  
GAJI**

9. Tuan/ puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/ puan telah disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal atau tuan/ puan ditukar lantik ke gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/ puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**TEMPOH PERCUBAAN  
BAGI PEGAWAI YANG  
TELAH DISAHKAN**

10. Tuan/ puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan di gred jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan perkhidmatan asal tertakluk dengan syarat tuan/ puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di perkhidmatan asal adalah dikecualikan.

**TEMPOH PERCUBAAN  
BAGI PEGAWAI YANG  
BELUM DISAHKAN**

11. Kekananan tuan/ puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan.

**KEKANANAN**

12. Jika tuan/ puan belum disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan asal dan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) semasa disahkan dalam perkhidmatan gred jawatan baru. **OPSYEN SKIM KWSP**
13. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/ puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
14. Jika tuan/ puan belum diberi taraf berpencen, tuan/ puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**
15. Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40 boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di jawatan asal/ setaraf sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat di skim perkhidmatan baharu. **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
16. Tuan/ puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
17. Tuan/ puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan. **PENEMPATAN**
18. Ketua perkhidmatan tuan/ puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/ puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**

19. Tuan/ puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
20. Tuan/ puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/ puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam gred jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
21. Pertukaran pelantikan tuan/ puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**. **TARIKH KUAT KUASA**
22. Hubungan tuan/ puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

**BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**(kepada pegawai tetap yang memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :  
Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)  
-----  
-----

Melalui Ketua Jabatan  
-----  
-----

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PENGHULU DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN DI (Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil. .... bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

\* (a) **Bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) di.....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penghulu di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P...T... sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji NP.....

**ATAU**

\* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) di.....(Nama Agensi) ke skim perkhidmatan Penghulu di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi).

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. .... bertarih ..... dan implikasi pilihan ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred jawatan asal.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

Di hadapan :

.....

**SAKSI\*\***  
( Tandatangan dan Cop Jawatan )

Nama Penuh : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Jawatan : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

Tarikh : .....

---

\* Tandakan ( ✓ ) dalam salah satu petak yang berkenaan.  
\*\* Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N27  
YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penghulu Gred NP27 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred NP27.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N27 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP27 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	1337.65 (P1T3)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1337.65 (P1T3)	1404.20 (P1T4)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai
1.7.2010	-	1470.75 (P1T5)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji



**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N27  
YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penghulu Gred NP27 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred NP27.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N27 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP27 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	1404.20 (P1T4)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1470.75 (P1T5)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 Oktober). Diberi Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan.
2.7.2009	1470.75 (P1T5)	1537.30 (P1T6)	Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	1603.85 (P1T7)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N27  
YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu) Gred N27 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penghulu Gred NP27 Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Di Peringkat 1 (P1) Gred NP27.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N27 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP27 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	1404.20 (P1T4)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	1470.75 (P1T5)	-	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. TPG Gred Jawatan Asal (1 Oktober). Diberi Pada Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan.
2.7.2009	1470.75 (P1T5)	1537.30 (P1T6)	Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
2.7.2009	-	1803.50 (P1T10)	Gaji Pegawai Diselaraskan Ke P1T10 kerana memiliki kelayakan diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman tidak

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N27 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP27 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
			kurang daripada 5 lima tahun dalam bidang berkaitan, terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan sukarela, serta berpengetahuan luas dalam pembangunan masyarakat, adat istiadat, agama dan sosiobudaya tempatan.
1.7.2010	-	1870.05 (P1T11)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N32**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penghulu Gred NP32 Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu Gred NP32 Di Peringkat 2 (P2) Gred NP32.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N32 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP32 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	3482.40 (P2T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	3482.40 (P2T9)	3589.79 (P2T10)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	3697.18 (P2T11)	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PENGHULU) GRED N36**

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan Bagi Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 Yang Ditukar Lantik Ke Skim Perkhidmatan Penghulu Gred NP36 Diselaraskan Kepada Matagaji Baharu Gred NP36 Di Peringkat 1 (P1) Gred NP36.

**Tarikh Kuat Kuasa : 2 Julai 2009**

**Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai**

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Sekarang Gred N36 (RM)</b>	<b>Gaji Baharu Gred NP36 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
1.7.2009	4113.08 (P1T9)	-	Gaji Akhir Di Gred Jawatan Asal.
2.7.2009	4113.08 (P1T9)	4276.43 (P1T10)	Tarikh Kuat Kuasa Pertukaran Pelantikan. Gaji Permulaan Pertukaran Pelantikan Yang Ditawarkan Kepada Pegawai.
1.7.2010	-	4439.78 (P1T11) maks.	TPG Gred Jawatan Baru (Pergerakan Gaji Biasa Mengikut Keputusan PPSM).

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji